

BAB V RANCANGAN PEMBANGUNAN KEMUDAHAN SUKAN

A. Pendahuluan

Satu daripada alat penting yang meningkatkan kegiatan sukan ialah kemudahan-kemudahan sukan. Pusat Sukan telah cuba meningkatkan kemudahan-kemudahan di kampus supaya falsafah dan matlamat Pusat Sukan dapat dilaksanakan dengan bayanya. Oleh itu perlu ada satu rancangan pembangunan kemudahan sukan yang lengkap dan sempurna.

Pembangunan kemudahan sukan bermakna penambahan dan peningkatan alat-alat yang digunakan untuk aktiviti sukan sama ada alat tersebut bergerak atau tidak bergerak yang mendatangkan manfaat kepada orang yang menggunakannya. Manfaat yang dimaksudkan ialah ia dapat meningkatkan partisipasi pelajar, pencapaian dan kecergasan pesertanya. Dengan ini ianya akan membantu mencapai falsafah dan matlamat yang telah digariskan.

Untuk keperluan bab ini definisi kemudahan sukan yang dimaksudkan ialah kemudahan-kemudahan seperti padang, gelanggang, bangunan sukan, kolam renang dan alat-alat sukan seperti bola, pakaian sukan dan kasut sukan serta alat-alat fisioterapi.

Kemudahan sukan di Universiti Malaya sebenarnya cukup untuk menjalankan aktiviti sukan tetapi dengan adanya penambahan pelajar setiap tahun kemudahan-kemudahan ini menjadi tidak mencukupi. Oleh itu satu rancangan pembangunan kemudahan sukan adalah perlu untuk mengatasi kelemahan ini.

Rancangan yang teliti dengan mengambil kira matlamat jangka pendek dan matlamat jangka panjang adalah perlu memandangkan falsafah Pusat Sukan yang menekankan penglibatan 100 peratus pelajar di dalam aktiviti sukan. Rancangan ini bila sudah dilaksanakan nanti akan memberi kemudahan kepada semua orang untuk bergiat aktif dalam kegiatan sukan.

B. Kemudahan sukan yang sedia ada

1. Kemudahan sukan

Kemudahan-kemudahan sukan yang ada di universiti ini dikategorikan kepada beberapa jenis. Kategori yang disediakan adalah seperti berikut (Maklumat Pelajar 1992/96) :

- i. Bangunan sukan
- ii. Padang sukan
- iii. Gelanggang-gelanggang sukan
- iv. Gelanggang-gelanggang berlampu
- v. Bilik renang
- vi. Van sukan

Bangunan sukan

i. Dua buah gimnasium yang terletak di Asrama Pertama dan Asrama Kedua dan memberi kemudahan sukan di dalam permainan badminton, sepak takraw, bola tampar, bola keranjang dan gimnastik.

ii. Lapan buah gelanggang skuasy di kompleks sukan yang digunakan untuk aktiviti sukan skuasy. Sebuah gelanggang mempunyai dinding belakang berkaca dan mempunyai tempat penonton. Tujuh buah lagi berdinding belakang simen. Bangunan ini juga mempunyai bilik mandi dan tandas.

iii. Setor sukan berhampiran Baktasiswa yang digunakan untuk menyimpan segala alat-alat sukan seperti bola sepak, bola tampar, bola baling, kasut spike dan pakaian-pakaian sukan. Peralatan sukan ini boleh dipinjam oleh pelajar dan kakitangan universiti selepas jam 5.00 petang setiap hari kecuali hari Ahad dan cuti kelepasan am. Setor ini dikelolakan oleh seorang penyelenggara setor.

iv. Bilik 'multi-gym' terletak berhampiran di dengan bangunan Baktasiswa. Ia mempunyai sebuah mesin angkat berat bercorak 'multi-gym' yang mengandungi lebih daripada 20 jenis pergerakan. Terdapat juga beberapa alatan besi angkat berat yang biasa. Pengguna dapat menambahkan lagi taraf kecerdasan jasmani dan kekuatan otot dengan menggunakan mesin ini. Untuk menggunakan bilik ini, pelajar dan kakitangan dikehendaki menjadi ahli Kelab Jasmani. Pelajar hanya membayar \$20.00 setahun manakala kakitangan membayar sebanyak \$50.00 setahun.

Padang sukan

Di universiti ini terdapat pelbagai padang permainan seperti :

- i. Dua buah padang bola di kompleks sukan
- ii. Dua buah padang hoki, sebuah di kompleks sukan dan sebuah lagi berhampiran Asrama Pertama.
- iii. Sebuah padang ragbi.
- iv. Dua buah padang bola baling yang terletak di kompleks sukan.

Gelanggang-gelanggang sukan

- i. Tujuh buah gelanggang tenis di mana empat mempunyai permukaan 'plexi-pave' yang terletak berhampiran Asrama Pertama, dua buah lagi dengan permukaan simen terletak di kompleks sukan dan sebuah dengan permukaan plexi-pave di Jalan Ilmu berhampiran dengan pintu masuk dari Petaling Jaya.
- ii. Dua buah gelanggang bola keranjang di mana sebuah terletak berhampiran Asrama Pertama dan sebuah lagi di Jalan Ilmu.
- iii. Empat buah gelanggang sepak takraw permukaan simen. Sebuah terletak berhampiran dengan Asrama Pertama, sebuah di kompleks sukan dan dua buah lagi di Jalan Ilmu.
- iv. Empat buah gelanggang bola tampar di mana dua buah dengan permukaan bitumen di kompleks sukan dan dua buah lagi dengan permukaan simen di Jalan Ilmu.
- v. Lima buah gelanggang bola jaring yang mana sebuah terletak di Padang Ragbi, dua buah di Baktisiswa dan dua buah di kompleks sukan.
- vi. Sebuah gelanggang bola baling dengan permukaan simen di Jalan Ilmu.

Gelanggang-gelanggang berlampu

Gelanggang-gelanggang ini terdapat di Jalan Ilmu dan penggunaannya dibenarkan hanya setelah tempahan terlebih dahulu di Pusat Sukan. Sekiranya kemudahan ini digunakan pada waktu malam maka pengguna dikenakan bayaran yang minimum.

Kolam renang

Kolam renang universiti ini telah dibuka dengan rasminya pada tahun 1987. Kolam renang ini berukuran 50 meter kali 22 meter dan terletak di kompleks sukan. Ia dibuka untuk semua pelajar dan kakitangan pada setiap hari dan dikenakan bayaran sebanyak \$0.50. Hari-hari tertentu dikhaskan hanya kepada pengguna wanita.

Klub sukan

Pusat Sukan mempunyai sebuah van yang boleh memuat malar-malar 16 orang dan dipandu oleh seorang pemandu sepenuh masa. Van ini membawa pelajar atau kakitangan yang berlatih di luar universiti seperti di Kampung Pandan atau menyertai sukan di luar universiti seperti di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Semua kemudahan di atas boleh digunakan oleh pelajar dan kakitangan untuk rekreasi pada bila-bila masa tetapi untuk mengadakan pertandingan-pertandingan mesti mendapat kebenaran bertulis dari Pusat Sukan kecuali bagi aktiviti di luar Pusat Sukan.

2. Masalah-masalah yang telah timbul

a. Penggunaan kemudahan sukan

Kemudahan sukan di universiti sebagaimana disebutkan di atas adalah banyak dan cukup untuk menjalankan aktiviti-aktiviti sukan. Akan tetapi setiap tahun pengambilan pelajar baru dan penambahan pelajar menyebabkan kemudahan-kemudahan itu tidak mencukupi. Pada sesi 1988/89 jumlah keseluruhan pelajar Universiti Malaya ialah 12,373 orang. (Laporan Naib Canselor 1989:220) Dengan kemudahan yang disebutkan di atas sudah tentu tidak mencukupi untuk menampung keperluan jumlah pelajar yang begitu banyak.

Padang-padang dan gelanggang tidak putus-putus digunakan bukan sahaja oleh pelajar tetapi juga oleh kakitangan universiti dan orang luar seperti dari Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan dan badan-badan swasta seperti Shell dan Esso. Keadaan ini akan menghalang pelajar untuk menggunakan tempat permainan bila-bila mereka suka.

Padang ragbi bukan sahaja digunakan untuk permainan ragbi tetapi juga untuk permainan bola sepak, olahraga, bola baling dan bola jaring. Oleh kerana terlalu banyak permainan atas satu padang maka pelajar-pelajar tidak berpeluang menjalani latihan secara sistematik. Ini sudah tentu membantutkan sebarang peluang untuk meningkatkan mutu sukan ke arah kecemerlangan.

Terlalu ramai pengguna juga menyebabkan padang dan gelanggang menjadi rosak. Untuk membaiki padang yang banyak diperlukan. Keadaan kemudahan yang rosak membuat permainan menjadi tidak selesa dan mungkin boleh mematikan semangat bersukan. Contohnya padang-padang yang berlubang dan yang tidak nampak garisan dan lantai yang pecah atau tidak rata.

b. Kedudukan tempat permainan

Kemudahan sukan yang ada kebanyakannya digunakan oleh penuntut-penuntut yang tinggal berhampiran dengannya misalnya penghuni Asrama Pertama, Asrama Kedua dan Asrama Kelima. Manakala penuntut-penuntut yang tinggal jauh dari tempat permainan misalnya di Asrama Kelapan, Ketiga, Keempat dan ketujuh jarang sekali menggunakan kemudahan ini. Keadaan ini lebih teruk bagi penuntut-penuntut yang tidak tinggal di dalam kampus.

Walaupun setiap asrama mempunyai tempat permainan mereka sendiri tetapi ianya sudah usang dan retak kerana tidak dijaga dengan baik. Kawasan permainan agak merbahaya untuk digunakan kerana sekiranya pemain terjatuh dia mudah tercedera. Ada juga kawasan permainan yang hampir dengan hutan dan ini menyebabkan binatang-binatang liar seperti ular dan monyet mudah memasuki kawasan permainan dan merosakkan peralatan permainan seperti jaring tenis dan baring bola tampar yang sudah siap terpasang.

Masa bersukan

Kebanyakan tempat bersukan hanya boleh digunakan sewaktu pagi atau siang sahaja kerana tidak ada bekalan lampu. Di masa siang hari pelajar mempunyai kuliah, tutorial dan latihan nakmal mereka. Misalnya ada pelajar-pelajar tahun akhir Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran mempunyai kuliah sehingga jam 9.00 malam. Oleh itu mereka hanya boleh bermain di hujung minggu atau dalam tempoh satu atau dua jam sebelum gelap. Bila terlampau banyak pasukan ingin menggunakan tempoh pendek ini, tempahan awal terpaksa dirancangan dan pada kalanya permohonan ini tidak dapat dipenuhi.

Di hujung minggu pula ramai pelajar ingin mencari alternatif cara lain pula dan tidak berminat bersukan. Oleh itu, mengadakan kegiatan dalam keadaan serba kurang ini sekali lagi boleh mematikan semangat bersukan di kalangan pelajar.

Kemudahan berlampu di mana pelajar dapat bermain di waktu malam menjadi sangat popular. Dengan sebab itu tempahan terpaksa dihadkan masanya. Perbuatan ini juga kadang-kadang boleh menghampakan penyertaan pelajar. Sebabnya ialah, apabila penyertaan dalam satu kumpulan itu terlalu ramai, mereka tidak dapat bermain sampai kepuasan. Apabila selesai satu pusingan permainan mereka terpaksa berhenti untuk memberi peluang kepada yang belum bermain. Apabila peluh di badan sudah kering baharulah dapat peluang untuk masuk semula. Kemudian, belum sempat puas bermain atau di tengah satu pusingan masa tempahan pun tamat dan golongan pelajar lain pula akan mengambil alih tempat mereka. Apabila Pihak Universiti, Fakulti, Asrama atau badan-badan luar membuat pertandingan semua tempahan dibatalkan. Peluang bermain pun habis.

Satu lagi fenomena yang perlu disentuh ialah lazimnya pelajar hanya menggunakan kemudahan sukan sewaktu awal penggal pertama dan awal penggal kedua. Ini kerana ramai pelajar menduduki peperiksaan sewaktu akhir setiap penggal. Oleh itu pada masa-masa begini kemudahan sukan jarang digunakan oleh sesiapa pun.

d. Permainan tertentu tiada kemudahan langsung

Ada beberapa permainan di Universiti ini yang tidak diberi perhatian langsung seperti kriket. Kriket pada satu ketika dahulu merupakan permainan kegemaran pelajar tetapi kini walaupun terdapat beberapa pemain bertaraf negeri tetapi permainan ini tidak dapat dikembangkan kerana tiada tempat permainan. Peralatan sukan yang ada tidak cukup untuk mengadakan sebarang perlawanan persahabatan pun.

Begitu juga dengan sukan olahraga di mana kemudahan sukan ini amat kurang. Di universiti ini tidak ada trek sesuai untuk pelajar berlatih dengan sistematik. Trek yang ada tidak boleh digunakan ketika hujan. Selain itu tidak ada peralatan yang lengkap seperti starting block, peralatan lompat tinggi dan lompat bergalah.

Pada kebiasaannya apabila sebarang kejohanan sudah hampir, pelajar terpaksa berlatih di luar universiti seperti di Kampung Pandan. Masa perjalanan ke tempat itu adalah selama setengah jam dan pelajar terpaksa balik ke asrama masing-masing untuk makan malam sebelum 7.30 petang. Pelajar hanya mempunyai lebih kurang satu jam untuk berlatih tanpa mengambil kira masa warm up dan warm down. Di tempat latihan pula pelajar terpaksa berkongsi tempat latihan dengan pengguna-pengguna dari bank-bank perdagangan dan pelatih-pelatih pasukan kebangsaan.

Keadaan sedemikian telah menguburkan harapan ramai pelajar yang berbakat dan taraf permainan mereka tidak meningkat atau menjadi kurang dari tahap pencapaian mereka sewaktu di peringkat sekolah.

Peruntukan untuk kemudahan sukan sangat kecil

Universiti tidak mampu membeli peralatan sukan yang baik dan bermutu dan hanya memadai untuk keperluan sukan sahaja. Peruntukan untuk peralatan sukan bagi sesi 1991/92 ialah RM30,000 sahaja. Peruntukan ini menyebabkan pelajar terpaksa mendapatkan alat-alat sukan mereka sendiri untuk bermain. Alat-alat pula bukannya murah kerana cukai barangan sukan amatlah tinggi. Dengan itu hanya pelajar yang mampu sahaja yang sanggup membeli peralatan sukan dan menyertai kegiatan sukan mereka minati. Pelajar yang tidak mampu membeli tetapi berbakat dan berkebolehan tidak dapat menyertai kegiatan sukan itu.

Kemudahan sukan untuk kecergasan dan rekreasi kurang

Bukan semua orang yang ingin menyertai kegiatan sukan untuk pertandingan. Ramai yang hanya bermain untuk berseronok-seronok sahaja. Akan tetapi kemudahan sukan sebanyakannya digunakan untuk pertandingan. Oleh itu mereka yang hanya bermain berseronok-seronok tersisih kerana kemudahan sukan direbut oleh mereka yang agak mahir.

Malaupun universiti ini mempunyai sebuah tasik tetapi kewujudan peralatan perahu atau kayak menyebabkan sukan air tidak dapat diadakan. Ramai pelajar yang gemar berekreasi dengan cara ini tetapi peluang untuk menyertainya tiada langsung.

Kemudahan sukan untuk mereka yang cacat tidak pernah beri perhatian langsung. Walaupun populasi mereka agak ramai tetapi ini tidak bererti mereka tidak berminat ber-sukan. Mungkin mereka yang ada berminat tetapi hanya suka berpeluang memandangkan pelajar-pelajar yang normal sendiri terpaksa bersaing merebut kemudahan.

Ketiadaan panduan menggunakan kemudahan sukan

Satu faktor yang agak dominan yang tidak menggalakkan pelajar menggunakan kemudahan sukan yang sedia ada ialah ketiadaan kemahiran menggunakan kemudahan itu. Bilik multi- walaupun sentiasa dipenuhi orang tetapi ramai yang sebenarnya tidak mahir menggunakan peralatan itu. Ini menyebabkan mereka mudah mengalami kecederaan dan langsung mengurangkan minat mereka untuk bersukan. Walaupun terdapat banyak gambar pelekat di bilik tersebut yang boleh dijadikan panduan tetapi ia tidak sama seperti panduan yang diberikan oleh seorang guru jasmani. Ketiadaan perkhidmatan seperti ini bukan sahaja meluputkan minat pelajar untuk menggunakan peralatan tetapi mudah merosakkan peralatan itu.

Ketiadaan peralatan psioterapi yang sempurna

Walaupun peralatan psioterapi bukan digolongkan sebagai kemudahan sukan tetapi kepentingannya di dalam memulihkan pemain-pemain yang cedera tidak dapat dipertikaikan pada masa ini. Walaupun Klinik Pelajar mempunyai kemudahan ini tetapi ia tidaklah digunakan secara meluas sebagai pusat pemulihan pemain-pemain yang cedera. Justeru itu ramai pemain terpaksa meninggalkan kegiatan sukan kerana tidak mendapat rawatan psioterapi yang baik.

Ketiadaan bilik salinan yang sesuai

Walaupun ketiadaan bilik salinan mungkin hanya merupakan faktor yang kecil yang mempengaruhi pelajar bergiat dalam sukan tetapi keadaan ini tidak boleh dipandang sebagai satu masalah yang kecil sahaja.

Sebuah bilik salinan yang lengkap perlu ada saliran laudes yang baik, sistem air panas dan air sejuk. Bilik wap dan bilik berehat. Perlu ada sebuah bilik salinan yang berbeza untuk lelaki dan wanita.

Pada masa ini bilik salinan yang ada berhampiran dengan Padang Ragbi tidak dijaga dengan baik. Keadaannya sentiasa berbau busuk dan tidak dibersihkan dengan sempurna. Ia tidak mempunyai sistem air yang baik. Bilik salinan wanita ditagahi sebagai setor menyimpan alat-alat sukan.

Keadaan ini sama sekali tidak menggalakkan pelajar menggunakan bilik salinan itu. Ini sudah tentu akan mengecilkan peluang pelajar untuk bersukan dalam keadaan yang baik dan selamat.

Peralatan sukan yang dipinjam tidak dipulangkan.

Walaupun universiti ini mempunyai penyelenggara setoran sukan tetapi banyak alat-alat sukan tidak dapat disimpan dengan selamat. Ini kerana pelajar atau kakitangan yang meminjam peralatan sukan seperti bola sepak tidak bertanggungjawab selepas habis menggunakan. Keadaan ini telah berulang bertahun-tahun dan akhirnya stok peralatan sukan yang ada sudah berkurangan. Apabila pelajar ingin menggunakannya peralatan sukan sudah tiada lagi.

Kesemua masalah yang berhubung dengan kemudahan sukan di atas wujud di Universiti Malaya sejak beberapa tahun lamanya. Walaupun masalah-masalah tersebut tidak menghalang pelajar-pelajar sama sekali daripada bersukan tetapi jika keadaan ini berlanjutan maka sebarang usaha untuk mencapai pemerlaksanaan akan terbantut. Oleh itu Pusat sukan telah membuat satu rancangan pembangunan kemudahan sukan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut dengan mengambil-kira penglibatan semua orang.

4. Kemudahan sukan yang telah dirancang

Pelbagai masalah yang diterangkan tadi telah secara tidak langsung menyebabkan Universiti Malaya menjadi tempat yang tidak menggalakkan aktiviti sukan. Oleh itu Pusat Sukan di dalam usahanya untuk mencapai matlamat-matlamatnya telah berusaha untuk mengubah keadaan ini dengan satu rancangan pembangunan kemudahan sukan.

Rancangan pembinaan kompleks kompleks sukan di Universiti Malaya menelan belanja sebanyak \$6 juta. Untuk membiayai rancangan ini Kerajaan Pusat telah memperuntukkan sebanyak \$1.5 juta manakala bakinya adalah mengharapkan sumbangan badan-badan korporat di negara ini (Budiman, 1991:1).

1. Rancangan kompleks sukan

Rancangan pembangunan kemudahan sukan ini dapat dikategorikan kepada tiga kompleks (rujuk lampiran I)
iaitu :

- a. Kompleks Pusat
- b. Kompleks Kolam Renang
- c. Kompleks Damansara

kompleks Pusat

Kompleks Pusat adalah kompleks yang paling utama (rujukan I dan II). Ini disebabkan kedudukannya di tengah-tengah kampus dan menjadi pusat segala aktiviti sukan yang dijalankan. Ia terletak bersebelahan dengan Asrama Pertama dan Asrama Kedua dan dilengkapi dengan gelanggang tenis, padang bola sepak, bola lisut, padang hoki dan trek kecergasan. Jadual 5.1 menunjukkan rancangan kemudahan Pusat Kompleks Pusat.

JADUAL 5.1: RANCANGAN KEMUDAHAN SUKAN DI KOMPLEKS PUSAT

KEMUDAHAN	SEDIA ADA	SEDANG DIBINA	DIPERLUKAN
BADMINTON	6 DLM JIM*	6 TERBUKA	-
BOLA BASKET DAN PADANG	1 RUMPUT	-	1 TREK MONDO
BOLA JARING	2 PADANG	2 PADANG	-
BOLA KERANJANG	2 DLM JIM*	2 TERBUKA	-
BOLA SEPAK	1	1	-
BOLA TAMPAR	2 DLM JIM*	4 TERBUKA	-
BOLA	1	-	1
MEJA TENIS	-	4 MEJA	-
SEPAK TAKRAW	6 DLM JIM*	5 TERBUKA	-
TENIS	6	6	-
TRAK KECEGASAN	-	-	2 KALI BESAR
TANAMAN AIR	-	-	2 TASIK
HOKI	-	-	1 PITCH
PERANGKAP	-	-	1 GELANGGANG
TRAK KECEGASAN	-	4	-
TRAK GREEN	-	-	1 LUBANG

Kemudahan Pusat Sukan

* Berkongsi dalam Jim di Asrama Pertama dan Asrama Kedua.

Kemudahan-kemudahan sukan di kompleks ini telah dikembangkan menjadi beberapa kompleks yang kecil seperti Kompleks Bola Tampar dan Sepak Takraw, Kompleks Tenis Pusat dan Kompleks Bola Keranjang dan dinding latihan tenis. Di beberapa tempat juga dirancang untuk pembinaan kawasan-kawasan permainan yang kecil seperti tiang latihan bola baling, tiang latihan bola jaring dan padang bola sepak kecil. Tempat-tempat seumpama ini dibina untuk mereka yang bermain dalam kumpulan-kumpulan yang kecil dan untuk latihan perorangan.

Untuk permainan hoki pula padang hoki akan ditambah dengan pengubahsuaian parit di kawasan padang hoki yang dengan ini akan mempunyai dua lobang padang hoki. Tasik yang lama tidak digunakan telah dibuka untuk pembinaan. Aktiviti-aktiviti berkayak telah dijalankan dan rencana latihan ini disiapkan.

Satu keistimewaan Kompleks Pusat ialah selepas rancangan selesai "Par Course" atau trek keergasan selesai menunjukkan Trek keergasan ini terdiri dari stesen-stesen yang ditetapkan 45 kali 45 kaki atau stesen pemanasan untuk setiap stesen kelenturan untuk menghasilkan daya lentur yang mempunyai 6 jenis peralatan, stesen keergasan yang mempunyai 8 jenis peralatan dan stesen kekuatan yang mempunyai 10 jenis peralatan.

Jarak pusingan dari kesemua stesen ialah sejauh 1.2 kilometer dan jika dilakukan 2 pusingan ia menyamai trek larian antarabangsa (Cooper's test yang digunakan untuk mengukur kecerdasan seseorang) sejauh 2.4 kilometer. Trek larian ini akan dijadikan sebagai pusat latihan secara terbuka-ramai seperti pasukan bola sepak, hoki dan tenis yang secara bersendirian.

Sebuah "golf green" yang mempunyai satu lobang juga akan dibina sebagai tempat untuk latihan memasukkan lubang. Selain pembinaan sebuah trek balapan dan padang badminton bernilai \$1.6 juta juga telah dirancang. Trek larian digunakan untuk acara-acara olahraga termasuk acara lari jauh, lompat kijang dan lompat bergalah. Untuk permainan kriket pula sebuah pitch akan dibina untuk latihan.

Sebanyak 82 buah tempat letak kereta juga telah disediakan sebagai kemudahan untuk mereka yang menggunakan kemudahan-kemudahan sukan di Kompleks Pusat ini. Tempat letak kereta ini terletak berhampiran dengan Komplek Tenis.

Terdapat juga rancangan untuk membesarkan setor sukan yang terletak berhampiran dengan padang ragbi. Pembesaran ini akan memudahkan peralatan sukan disimpan dengan selamat. Untuk itu dianggarkan perbelanjaan sejumlah \$100,000. Bilik multi-gym juga akan diperbesarkan menjadi lebih besar daripada biasa.

kompleks Kolam Renang terletak berhampiran dengan Asrama rujuk lampiran I dan III. Dahulunya dikenali sebagai Kompleks Sukan dan telah ditengkapkan lagi dengan kemudahan tambahan seperti gelanggang tenis, bola jaring, bola tampar, sepak takraw dan tenis meja. Jadual menunjukkan penambahan kemudahan sukan di Kompleks Kolam Renang.

JADUAL 5.2: RANCANGAN KEMUDAHAN SUKAN DI KOMPLEKS KOLAM RENANG

KEMAMPUAN	SEDIA ADA	SEDANG DIBINA	DIPERLUKAN
BADMINTON	-	-	8 DLM. DEWAN
BOLA Baling	-	-	1 GELANGGANG
BOLA KERANJANG	-	2	2 DLM. DEWAN
BOLA TAMPAR	-	3	2 DLM. DEWAN
BOLA JARING	-	-	2 DLM. DEWAN
BOLA SEPAK TAKRAW	-	4	4 DLM. DEWAN
BOLA JARING	1	1	-
BOLA JARING	-	4	-
MEJA TENIS	-	-	3 BUAH MEJA
MEJA TENIS	8	-	-
MEJA TENIS	-	-	1
MEJA TENIS	1	-	-
MEJA TENIS	-	-	1 BILIK
MEJA TENIS	-	-	1 BILIK
MEJA TENIS	-	-	1 BILIK
MEJA TENIS	-	-	1 BILIK

Pusat Sukan

sewaktu rencana latihan ini sedang disediakan pembinaan gelanggang untuk tenis, sepak takraw, bola keranjang dan bola tampar telah pun siap. Gelanggang-gelanggang ini akan jenis terbuka.

Rancangan besar Pusat Sukan di kompleks ini ialah pembinaan sebuah dewan serbaguna yang dijangka menelan belanja sebanyak \$2 juta. Selepas siap dibina nanti ia akan mempunyai 8 buah gelanggang badminton, 2 buah gelanggang bola tampar, 2 buah gelanggang bola keranjang, 4 buah gelanggang sepak takraw dan 2 buah gelanggang bola jaring. 8 gelanggang ini akan menggunakan tikar gelanggang.

Berhampiran dengan dewan ini juga akan dibina gelanggang tenis meja yang akan memuatkan 10 buah meja. Sebuah bangunan tiga tingkat akan dibina untuk senaman aerobik, latihan taekwondo, karate, judo, tina badan, angkat berat, yoga, kendo, taichi, silat dan aikido. Di Kompleks Sukan lama pula akan dibina kolam polo air, papan terjun dan khayan memanasakan tubuh sebelum berenang.

Kompleks Damansara

Kompleks Damansara adalah projek Pusat Sukan yang terbaru (rujuk lampiran I dan III). Kedudukan kompleks ini adalah berhampiran dengan Kompleks Kolam Renang dan kawasan perumahan Damansara. Kompleks ini berbeza daripada kompleks yang lain kerana tujuan kompleks ini dibina adalah untuk mendapatkan sumber kewangan bagi pembangunan sukan di Universiti Malaya.

Sebuah golf_driving_range dengan 100 tempat pukulan berjarak 400 meter akan dibina di tempat ini. Selain daripada memperkenalkan sukan golf di kampus, tempat ini juga akan dibuka kepada orang awam dan badan-badan swasta. Dengan cara ini Pusat Sukan akan mendapat sumber kewangan daripada orang ramai dan badan-badan swasta yang menggunakan tempat permainan ini bagi membiayai semua projek-projek pembangunannya. Untuk 10 tahun yan pertama kompleks ini akan diuruskan oleh sebuah syarikat swasta dan kemudian ianya akan diserahkan kepada Pusat Sukan.

Setelah siap dibina nanti, kompleks ini juga akan mempunyai gelanggang permainan skuasy, badminton dan sebuah restoran serta tempat letak kereta yang luas.

Untuk memusatkan semua kemudahan sukan, maka kemudahan-kemudahan sukan berdekatan Jalan Ilmu telah dimansuhkan. Sekiranya kemudahan sukan di kompleks-kompleks ini siap nanti maka Universiti Malaya akan mempunyai kemudahan-kemudahan sukan yang terbaru dan tersusun rapi.

Akan tetapi sejauhmanakah penambahan kemudahan-kemudahan sukan ini akan membantu meningkatkan aktiviti sukan di universiti ini dan membantu mengurangkan masalah-masalah yang timbul sebelum ini. Perlu difahami bahawa sekiranya kemudahan sukan ini tidak digunakan sepenuhnya oleh pelajar maka segala usaha Pusat Sukan akan menjadi sia-sia.

Kesan daripada penambahan kemudahan sukan dan masalah masalah yang dihadapi

i. Kesan penambahan kemudahan

a. Penggunaan kemudahan sukan

Kemudahan sukan di universiti ini telah bertambah dengan penambahan padang-padang dan gelanggang-gelanggang permainan. Permainan seperti bola sepak yang diminati ramai kini mempunyai 4 buah padang semuanya. Akan tetapi dua buah padang terletak di kawasan yang jauh (berhampiran dengan Kompleks Kolam Renang) daripada tempat tinggal majoriti pelajar asrama. Apa yang dikhuatiri ialah padang ragbi akan tetap menjadi tumpuan untuk permainan bola sepak seperti dahulu dengan beratus-ratus orang pelajar menggunakannya dalam satu masa. Mungkin hanya ketika ada kejohanan bola sepak antara asrama baharulah padang-padang bola sepak berhampiran Kompleks Kolam Renang akan digunakan oleh pelajar.

Masalah penggunaan kemudahan sukan oleh orang luar boleh diatasi sekiranya Kompleks Damansara siap dibina. Sekiranya hendak menggunakan kemudahan padang maka padang bola sepak yang berdekatan boleh digunakan. Oleh itu kawasan Kompleks Pusat akan dapat digunakan sepenuhnya oleh pelajar sahaja.

Pembinaan kompleks-kompleks kecil di Kompleks Pusat telah menambahkan gelanggang-gelanggang permainan untuk sepak taraw, bola tampar, tenis dan bola keranjang. Ramai pelajar yang meminati permainan-permainan ini dan maka itu penambahan kemudahan-kemudahan ini adalah seperti insentif kepada mereka. Tambahan pula sekiranya mereka hanya ingin berlatih terdapat tiang-tiang latihan permainan. Untuk pelajar-pelajar yang baru bermain tenis dinding-dinding latihan telah disediakan.

b. Kedudukan tempat permainan

Masalah ini nampaknya tidak dapat diatasi kerana kompleks-kompleks sukan ini masih berkedudukan jauh daripada asrama-asrama seperti Asrama Kelapan, Keempat, Ketiga dan Ketujuh. Hanya pelajar-pelajar yang mempunyai kenderaan sendiri sanggup pergi ke kompleks ini untuk bermain. Mungkin ini boleh dianggap sebagai satu kelemahan perancangan kerana separuh daripada penghuni kampus tinggal di kawasan yang jauh daripada kompleks-kompleks sukan. Asrama Kelima yang hanya mempunyai populasi sebanyak 500 orang mempunyai kemudahan dua buah kompleks. Tambahan pula asrama itu mempunyai kompleks permainannya sendiri. Kemudahan sukan berhampiran dengan asrama kelima adalah lebih dari cukup. Kalau dipandang dari segi ekonomi keadaan seperti ini adalah satu pembaziran kemudahan sukan.

4. Masa bersukan

Dengan bertambahnya gelanggang-gelanggang yang berlampu dan tambahan sebuah lagi dewan tertutup maka masalah bermain di waktu malam akan dapat diatasi. Akan tetapi kemudahan-kemudahan berlampu ini akan kehabisan jika pelajar tidak menggunakannya.

Permainan tertentu tiada kemudahan langsung

Masalah ini juga gagal diatasi kerana permainan kriket dan bola lisut masih tidak mempunyai padang permainan yang sesuai. Ini sudah tentu akan mematahkan semangat bermain pemain-pemain. Bagi sukan olahraga walaupun ada dirancang sebuah trek mondo tetapi kekurangan sumber kewangan akan menghalang pembinaan trek itu dengan segera.

5. Peruntukan untuk kemudahan sukan sangat kurang

Kerajaan Pusat hanya telah memperuntukkan \$1.5 juta untuk projek-projek pembangunan yang memerlukan sejumlah \$6 juta. Bantuan badan-badan korporat agak lambat dan sekiranya diterima pun wang perlu dikeluarkan melalui Bendahari Universiti. Prosedur tambahan ini menyebabkan pembinaan kemudahan-kemudahan lambat atau tergendala.

6. Kemudahan sukan untuk kecergasan dan rekreasi

Kemudahan sukan untuk rekreasi dan kecergasan telah diberi perhatian yang berat. Apabila stesen-stesen kecergasan siap dibina seseorang individu dapat menjalani latihan kecergasan dengan cara yang sistematik. Stesen-stesen ini mudah digunakan di samping bersukan untuk keseronokan.

Kebenaran untuk menggunakan tasik varsiti juga telah menambahkan varieti dalam sukan rekreasi. Namun kemudahan kayak masih kurang berbanding dengan saiz tasik yang luas. Walaupun jelas kelihatan pembangunan fizikal yang mendadak tetapi tidak terdapat sebarang usaha untuk menggalakkan ruhan untuk orang-orang cacat. Mungkin sekali lagi ini adalah soal peribadi kerana sekiranya ingin menggunakan kemudahan sukan peluang menggunakan adalah luas kerana kemudahan-kemudahan sukan cukup untuk dikongsi bersama.

1. Tiada panduan menggunakan kemudahan sukan

Sehingga latihan ilmiah ini siap dibuat tidak terdapat sebarang usaha untuk menempatkan guru jasmani di bilik multi-gym. Walaupun ada rancangan untuk menambahkan saiz bilik ini kepada dua kali ganda tetapi tanpa adanya seorang guru jasmani yang berkelayakan pelajar-pelajar yang jahil menggunakan peralatan angkat berat tidak akan mendapat manfaat sepenuhnya.

2. Ketiadaan peralatan psikoterapi yang sempurna

Perancangan yang dibuat mementingkan sangat pembangunan fizikal untuk meningkatkan kecerdasan sahaja sehingga pentamaan tidak diberikan untuk pemulihan kecederaan melalui kemudahan psikoterapi. Masih ramai pemain yang meninggalkan arena sukan kerana tiada panduan pemulihan kecederaan.

3. Ketiadaan bilik salinan yang sesuai

Walaupun peruntukan kewangan dibuat untuk membesarkan setor sukan dan pejabat setor tetapi tidak ada sebarang usaha untuk membesarkan bilik salinan yang berhampirannya. Bilik salinan yang lengkap sangat penting kerana ianya akan memberi kemudahan untuk membersihkan diri selepas bersukan. Malah pelajar yang tinggal di luar asrama memerlukan bilik salinan untuk menyalin pakaian sukan dan locker. Masalah ini tidak boleh dipandang ringan kerana ketiadaan keselesaan sedemikian akan melemahkan semangat bermain seseorang.

4. Peralatan sukan yang dipinjam tidak dipulangkan

Di dalam perancangan yang dibuat ada dinyatakan mengenai pembesaran setor dan pejabat setor. Dengan cara ini diharap peralatan sukan akan disimpan dengan sempurna dan selamat. Selain itu jika diadakan satu sistem peminjaman peralatan yang lebih tegas ini akan menjamin peralatan sukan yang dipinjam dipulangkan dengan segera.

ii. Masalah-masalah yang timbul

a. Kekurangan sokongan pelbagai pihak

Pembangunan kemudahan fizikal di Universiti Malaya menyebabkan banyak pokok-pokok terpaksa ditebang. Pelbagai pihak yang mengaku dirinya sebagai pencinta alam menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap tindakan penebangan pokok ini. Walaupun dalam jangka pendek memang keadaan geografi Universiti Malaya cacat akibat penebangan ini akan tetapi Pusat Sukan telah merancang untuk membuat penggantian dengan land scape yang teratur. Penanaman semula pokok-pokok yang tendang dan cantik akan memperelokkan lagi persekitaran di kampus.

Kompleks Damansara yang belum lagi dibina menghadapi tekanan akibat segolongan pihak yang mendesak supaya kawasan itu digunakan untuk pembinaan asrama kediaman pelajar. Walaupun keperluan untuk pembinaan sebuah asrama agak mendesak tetapi terdapat banyak lagi kawasan terutama berhampiran dengan Asrama Kelapan yang boleh digunakan untuk pembinaan.

b. Sokongan kewangan yang kurang

Sebarang projek pembangunan yang dikelolakan oleh Pusat Sukan tidak mendapat sokongan sepenuhnya oleh pihak universiti. Peruntukan wang untuk kemudahan sukan terpaksa melalui pelbagai saluran sebelum ianya diluluskan. Dalam hal ini siapa yang menduduki Majlis Universiti menjadi soal yang penting. Sekiranya ahli-ahli majlis itu tidak mementingkan kegiatan sukan maka sokongan untuk pembangunan kemudahan sukan amat kurang.

Pusat Sukan terpaksa mengusahakan sendiri sumber-sumber kewangan dari luar seperti daripada Syarikat Toto dan Petronas. Namun sekali lagi bila punca kewangan sudah diperolehi ianya terpaksa melalui pelbagai saluran sebelum diluluskan penggunaannya.

c. Keperluan untuk kakitangan dan pekerja tambahan

Apabila kemudahan sukan sudah bertambah maka keperluan untuk pekerja juga bertambah. Pekerja yang sedia ada tidak mencukupi untuk menjaga dan membersihkan kompleks-kompleks sukan di sekitar Universiti Malaya. Keperluan untuk jurutaip, atendan dan jurutrenkas juga akan bertambah apabila lebih banyak kerja penempatan kemudahan sukan perlu dibuat. Walaupun ini seolah-olah menambahkan peluang pekerjaan di negara ini tetapi apabila wujud soal gaji maka sekali lagi Pusat Sukan terpaksa menghadapi dilema.

Ini adalah kerana sehingga kini permintaan untuk mengujudkan jawatan bahagian pentadbiran dan bahagian Akademik dan Penyelidikan masih belum diluluskan lagi oleh Majlis Universiti. Bagaimana pula dengan soal pekerja tambahan? Adakah Majlis Universiti akan meluluskan permintaan tersebut? Pelbagai persoalan terpaksa diwujudkan kerana jelas Pusat Sukan menghadapi tekanan kekurangan sokongan pelbagai pihak di dalam usahanya mentadbir dan membangunkan sukan di universiti ini.

2. Kekurangan jurulatih

Dengan pertambahan kemudahan sukan keperluan untuk jurulatih juga bertambah. Sekiranya kemudahan sukan sedia lengkap tetapi pemain-pemain berlatih tanpa program latihan yang tersusun maka pencapaian mereka tidak akan meningkat. Oleh itu Pusat Sukan terpaksa menghadapi dilema kekurangan jurulatih profesional.

Kemungkinan jika bahagian Akademik dan Penyelidikan sudah ada nanti maka mudah bagi Pusat Sukan melahirkan jurulatih-jurulatih profesionalnya sendiri. Akan tetapi bila masa akan berlaku adalah satu persoalan yang agak sukar dijawab. Untuk keperluan jangka pendek jurulatih luar boleh diambil tetapi soal bayaran akan membantutkan hasrat itu kerana dengan keadaan sokongan kewangan yang kurang, jelas kelihatan Pusat Sukan sebenarnya hanya mampu mendapat khidmat jurulatih secara percuma.

3. Kekurangan peralatan menjaga kemudahan

Untuk menjaga dan menguruskan kemudahan-kemudahan sukan peralatan-peralatan seperti jentera pemotong rumput, lori, tractor, cangkul dan lain-lain peralatan amat diperlukan. Ini sudah tentu akan menambahkan kos penyelenggaraan kemudahan-kemudahan sukan. Pusat Sukan menganggarkan penyelenggaraan fizikal kemudahan sukan bagi setahun adalah sejumlah \$212,100. Bagi penyelenggaraan kolam renang pula sebanyak \$34,570 setahun.

4. Kekurangan peralatan sukan untuk latihan dan permainan

Pusat Sukan juga perlu melihat masalah kekurangan peralatan sukan. Dengan bertambahnya tempat bermain maka keperluan untuk peralatan sukan sudah tentu akan bertambah. Para-pemain memerlukan lebih banyak alat-alat sukan seperti bola sepak, bola keranjang dan sepak takraw untuk menjalini latihan. Pusat Sukan menganggarkan sejumlah \$698,820 diperlukan untuk membeli peralatan sukan sekali dalam 5 tahun.

D. Kesimpulan

Pusat Sukan telah cuba meningkatkan kemudahan-kemudahan di kampus supaya falsafah dan matlamatnya dapat dilaksanakan dengan jayanya. Semua masyarakat kampus akan tampil mengambil bahagian dalam sukan sekurang-kurangnya untuk latihan jasmani mereka sendiri. Apabila pembinaan tiga buah kompleks sukan siap maka sudah tentu Universiti Malaya akan menjadi sebuah tempat perkembangan bakat-bakat sukan yang datang dari sekolah. Dengan ini juga program-program Pusat Sukan seperti Sukan Minggu Haluan Siswa, MASUM, TIG dan Sukan Antara Asrama akan dapat dijalankan dengan mudah.

Akan tetapi Pusat Sukan juga terpaksa menghadapi pelbagai masalah seperti kekurangan sokongan pelbagai pihak dan kekurangan kewangan di dalam usahanya menjalankan pembangunan kemudahan sukan. Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat kelemahan interaksi yang baik di antara Pusat Sukan dengan Pihak Universiti. Di dalam Majlis Universiti perancangan-perancangan Pusat Sukan tidak mendapat sokongan sepenuhnya daripada para-dekan fakulti. Apabila keadaan seperti ini wujud maka sudah tentu sebarang rancangan pembangunan kemudahan sukan hanya akan tinggal sebagai rancangan semata-mata. Untuk mengatasi masalah ini perlu ada interaksi yang kuat di antara pelbagai komponen ini agar kegiatan sukan pelajar dapat berjalan dengan lancar.

Keperluan untuk pekerja, kakitangan dan peralatan penyelenggaraan tambahan menyukarkan lagi tugas-tugasnya. Penambahan pekerja bererti penambahan kos menguruskan pekerja. Peralatan penyelenggaraan kemudahan sukan juga akan meningkatkan lagi kos mengurus.

Walaupun menghadapi pelbagai masalah dan kekurangan Pusat Sukan tetap menjalankan usaha-usaha pembangunan secara berperingkat-peringkat. Sumbangan kewangan syarikat-syarikat swasta sedikit-sebanyak telah membantu meringankan masalahnya.

Namun segala usaha pembangunan ini akan menjadi sia-sia sekiranya para-pelajar masih menunjukkan sikap yang dingin terhadap kegiatan sukan. Kini mereka tidak mempunyai alasan lagi mengatakan kekurangan kemudahan sukan yang menyebabkan mereka tidak aktif dalam sukan di kampus. Para-pelajar patut menggunakan peluang ini untuk mengembangkan bakat sukan mereka untuk mencapai peringkat kecemerlangan.